

## Harga runcit RON97, RON95 naik 8 sen

**KUALA LUMPUR** - Harga bagi setiap liter RON97 dan RON95 naik sebanyak lapan sen, manakala diesel pula naik 10 sen bagi tempoh 13 hingga 19 Jun 2020.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan semalam berkata, berdasarkan penetapan harga runcit mingguan produk petroleum menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM), harga baharu seliter bagi RON97 ialah RM1.86, RON95 (RM1.56) dan diesel RM1.73.

“Kenaikan harga itu dipengaruhi harga minyak diproses yang semakin meningkat selari



dengan kenaikan harga minyak mentah dunia.

“Kerajaan akan terus memantau impak perubahan harga minyak mentah dunia dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan kebajikan serta kesejahteraan rakyat terjaga,” menurut kenyataan tersebut. - *Bernama*